

Caruman bagi rumah kedua ditimbang

Oleh YAHYA AHMAD, GHANI LATIF, ROZAMAN ISMAIL dan ZUHARI ALI.

LANGKAWI 6 Nov.— Kerajaan sedia menimbang meluluskan pengeluaran caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) bagi ahli-ahli yang memohon untuk membeli rumah kedua, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Bagaimanapun, katanya, latar belakang seseorang pemohon akan diteliti secara terperinci terlebih dahulu bagi mengelakkan penyalahgunaan wang caruman tersebut.

“Kadang-kadang ada orang memohon untuk keluaran caruman tetapi apabila diluluskan mereka tidak membeli rumah sebaliknya menggunakan untuk tujuan lain,” katanya kepada para pemberita selepas melakukan upacara pecah tanah hotel KUB dan Sekolah Pengurusan Perhotelan dan Pelancongan, Institusi Teknologi Tun Abdul Razak di sini hari ini.

Semalam, Pengerusi Eksekutif KWSP, Tan Sri Sallehuddin Mohamed berkata, pihaknya akan mengumumkan pada minggu depan sama ada membenarkan para pencaerum mengeluarkan simpanan mereka bagi tujuan membeli rumah kedua, jika ia akan menjadi satu-satunya rumah milik pencaerum berkenaan.

Contohnya, pencaerum ingin membeli rumah

kedua setelah rumah pertama yang dibeli menerusi pengeluaran caruman KWSP, telah pun dijual atau rumah yang pertama telah rosak atau musnah akibat bencana.

Langkah KWSP memikirkan semula perkara itu setelah menerima banyak permintaan daripada para pencaerum, sejak skim baru diperkenalkan oleh KWSP minggu lalu.

Sebelum itu, Dr. Mahathir berkata, Koperasi Usaha Bersatu (KUB) tidak boleh lagi berselindung di sebalik nama koperasi tetapi harus bergerak sebagai sebuah syarikat besar yang maju mengikut perkembangan semasa.

Koperasi

Perdana Menteri, berkata, KUB sudah menjadi sebuah koperasi yang besar dan ia boleh bergerak sendiri sebagai sebuah syarikat.

“KUB tidak lagi boleh berselindung di sebalik nama koperasi kerana sudah tiba masanya ia menjadi syarikat,” katanya.

Katanya, pengurusan syarikat berbeza dengan pengurusan koperasi dan sekiranya KUB terus kekal sebagai koperasi ahli-ahlinya akan mengalami kerugian.

“Koperasi juga tidak dapat bergerak dengan cergas sedangkan kita nak sebuah syarikat yang dapat bergerak cergas dan membuat keuntungan,” katanya.

Dr. Mahathir menambah, kedudukan KUB sebagai sebuah koperasi tidak lagi sesuai kerana koperasi hanya terlibat dalam aktiviti kecil-kecilan sahaja.

KUB, kata beliau, kini berkembang pesat dan telah menceburi pelbagai bidang serta berjaya menerusi pengurusan barunya.

“KUB sebagai contoh telah memasuki bidang perhotelan, melatih pengurus-pengurus hotel serta kakitangan hotel, satu bidang yang berkembang maju dalam industri pelancongan,” katanya.

Menurut beliau lagi, negara memerlukan lebih ramai pengurus-pengurus hotel dan restoran, tukang masak serta pelayan bagi memperkembangkan lagi industri ini.

Dr. Mahathir berkata, negara juga memerlukan rakyat yang dapat menguasai kemahiran dalam pelbagai bidang bagi membantu pembangunan pelbagai industri.

“Sesetengah orang tidak mempunyai kelayakan akademik yang baik dan menyertai bidang lain seperti tukang masak atau menjadi mekanik.

“Bidang ini bukannya bidang yang hina tetapi pekerjaan yang boleh meningkatkan kemampuan kita dan dihormati serta boleh menyumbang ke arah pembangunan negara,” tegasnya.